

Pemuda BN Sentiasa Dekati Rakyat Bukan Semasa Pilihan Raya Sahaja - Fadillah Bernama
23 Mac, 2014

MUKAH, 23 Mac (Bernama) -- Pergerakan Pemuda Barisan Nasional (BN) sentiasa mengamalkan pendekatan berdamping rapat dengan rakyat untuk membantu mereka dan bukan terhad semasa pilihan raya sahaja, kata Ketua Pemuda BN Sarawak Datuk Fadillah Yusof.

Oleh itu, katanya program dianjurkan pergerakan itu di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Balingian mendapat reaksi positif daripada kalangan penduduk.

Beliau berkata penduduk setempat juga dilihat menerima baik dan selesa dengan calon BN Yussibnosh Balo bagi pilihan raya kecil (PRK) DUN Balingian.

"Setakat ini semua program kita disambut baik. Kita melihat bukan sahaja dari segi kehadiran tapi kita melihat dari segi muka (wajah), percakapan dan bahasa badan, mereka amat mesra dengan kita.

"...dan kemesraan itu melambangkan sokongan dan kegembiraan mereka terhadap calon yang kita kemukakan," katanya ketika ditemui selepas melancarkan Program Khidmat Masyarakat Pusat Khidmat Kontraktor dan Akademi Binaan Malaysia di Kampung Pulat, Balingian, kira-kira 60km dari sini.

Fadillah berkata melihat kepada maklum balas positif itu, BN yakin mampu meraih sokongan pengundi "atas pagar".

Katanya pemilihan Yussibnosh yang juga bekas Pegawai Daerah Dalat sebagai calon BN turut memberi kelebihan kerana beliau memahami keperluan dan keadaan masyarakat setempat berbanding calon lawan dari Parti Keadilan Rakyat (PKR) yang menetap di Bintulu.

"Dia (Yussibnosh) memahami proses kerajaan. Bila dia memberi perkhidmatan kepada masyarakat, dia mampu menyelesaikan masalah sebab dia mempunyai jaringan dengan penjawat-penjawat awam," katanya.

Pada pilihan raya kecil 29 Mac ini, Yussibnosh, 48, anak kelahiran Kampung Tellian di sini ditentang calon PKR Abdul Jalil Bujang, 55, seorang usahawan yang lahir dan menetap di Bintulu.

PRK DUN Balingian diadakan berikutan pengunduran penyandangannya, Tan Sri Abdul Taib Mahmud yang turut melepaskan jawatan sebagai Ketua Menteri Sarawak pada 28 Feb sebelum dilantik menjadi Yang Dipertua Negeri pada 1 Mac.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1024066>